

**IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 17**  
**HUKUM MENGGUNAKAN KANTA ICL UNTUK RAWATAN MATA**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443 bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Menggunakan Kanta ICL Untuk Rawatan Mata. Penggunaan kanta ICL (Implantable Collamer Lens) untuk rawatan mata yang diperbuat dari bahan kolagen khinzir adalah **haram**, memandangkan penggunaannya bukan dalam keadaan *dharurah* dan masyarakat Islam masih mempunyai pelbagai alternatif lain yang tidak meragukan dari aspek Syarak.

Mesyuarat juga berpandangan bahawa Islam amat menekankan penjagaan kesihatan tubuh badan sebagai salah satu prinsip dalam مقاصد الشريعة. Walau bagaimanapun, penggunaan ubat dari sumber yang haram untuk mengubati sesuatu penyakit adalah dilarang berdasarkan umumnya hadith Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ  
وَالدَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَوُّوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ). - رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ

Maksudnya: *Dari Abun Darda' RA, Rasulullah SAW berkata: Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara-perkara) yang haram.*

Namun begitu dalam keadaan-keadaan dharurah atau terpaksa, terdapat kelonggaran yang diberikan dalam kelonggaran yang diberikan dalam pengharaman ini demi untuk menghilangkan kesakitan dari tubuh badan.

Tarikh: 24 Jun 2022

No. fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah

  
(Dato' Haji Zamri bin Hashim)  
Timbalan Mufti Negeri Perak